

IPTS tawar pengajian bermutu

Pelajar lepasan SPM perlu pastikan program dapat status LAN

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

SNIN ini, seramai 416,717 pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu menerima keputusan masing-masing. Sebahagian daripada mereka mula sibuk mengambil borang dan mengisi permohonan untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Antara program popular di kalangan lulusan SPM ialah Pengajian Matrikulasi Kementerian Pelajaran atau yang dijalankan oleh universiti awam, program diploma atau sijil politeknik atau kolej komuniti atau diploma di Institut Pendidikan Guru.

Selain itu, ada juga institusi latihan kelolaan Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia, iaitu institut latihan perindustrian (ILP), Pusat Latihan Berteknologi Tinggi (Adtec) dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia.

Selain ILP, Adtec, Kolej Komuniti dan politeknik, lulusan SPM juga boleh memohon untuk mengikuti latihan di institusi di bawah Kementerian Belia dan Sukan, iaitu Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Kemahiran Malaysia atau Pusat Giat Mara.

Namun, gabungan semua institusi kerajaan itu menyediakan tidak sampai 100,000 tempat. Pilihan lain untuk lulusan SPM ialah meneruskan pengajian ke universiti atau kolej swasta.

Jika keluarga anda mempunyai kemampuan dari segi kewangan, apa salahnya melabur sejumlah wang kerana universiti

FAKTA

Tip memilih program IPTS

- Pastikan program diploma atau sijil sudah diluluskan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).
- Pilih program yang dikawal selia oleh universiti awam atau program di kolej bersekutu universiti awam.
- Dapatkan kepastian program itu ditaja agensi kerajaan seperti Mara/JPA/yayasan negeri.
- Kenal pasti program yang anda yakin boleh mendapat pekerjaan pada masa depan.
- Atau pilih program sijil atau diploma yang memudahkan lanjut pengajian peringkat ijazah sarjana muda.
- Pilih program yang dikawal oleh badan profesional seperti perakaunan, seni bina dan ukur bah.
- Program yang ada kerjasama universiti luar negara.
- Melanjutkan pengajian di kampus universiti asing yang ada di negara ini.
- Kos yang mampu dibiayai ibu bapa dan penjaga.

hamed Ariffin, berkata satu lagi kelebihan mengikuti program yang mempunyai status akreditasi LAN ialah pelajar mudah mendapat pembiayaan daripada agensi kerajaan seperti yayasan negeri.

Agensi seperti Mara pula harya menaja pelajar yang mengikuti sijil atau diploma yang sudah mendapat pengiktirafan LAN.

Kelebihan lain jika memilih pengajian di IPTS ialah anda boleh meneruskan pendidikan di kampus universiti asing atau IPTS yang bekerjasama dengan universiti luar negara.

Jika lulusan SPM memilih diploma yang ditawarkan oleh kampus universiti asing di negara ini atau program IPTS yang mempunyai kerjasama dengan universiti luar negara, kedua-dua program itu membolehkan anda meneruskan pengajian peringkat ijazah sarjana muda di kampus utama universiti berkenaan.

Sekurang-kurangnya anda berpeluang mengikuti pengajian satu semester di universiti luar negara itu. Pendedahan itu bukan saja akan memberi pengalaman baru tetapi juga anda berpeluang memohon pekerjaan di negara berkenaan selepas menamatkan pengajian.

Bayangkan tiga tahun dari sekarang anda bekerja di Amerika Syarikat atau Australia atau New Zealand atau United Kingdom atau Eropah dengan gaji dalam mata wang dolar atau pound sterling atau euro.

Mohd Yahya yang sebelum ini menulis buku *Akademik, Kerjaya dan Anda* berkata, bagi lulusan SPM yang mencatatkan ke-

anugerahkan universiti atau kolej swasta manakala SKM Tahap Lima setaraf derijazah sarjana muda. Kebanyakan latihan asas memerlukan masa antara enam bulan dan lulusannya akan menerima SKM Tahap Satu dan sudah boleh memohon kerjaan tertentu yang sesuai dengan mahirannya.

Bagaimanapun, sebahagian besar latihan akan menyambung latihan hingga SKM Tahap Kedua atau Ketiga agar kemahiran mereka lebih tinggi, sekali gus memperluaskan peluang pekerjaan yang lebih luas dengan gaji lebih lumayan.

Tempoh latihan Tahap Kedua memerlukan masa enam hingga 12 bulan. Begitu lajuternya, pelajar memerlukan tempoh latihan kira-kira dua setengah hingga tiga tahun untuk menamatkan SKM Tahap Tiga sama dengan tempoh pengajian peringkat diploma.

IPTS yang menawarkan program Matrikulasi dinamakan Pusat Bertauliah MLVK bermakna Kementerian Sumber Manusia sudah mengenal pasti kelayakan peribadi, kemudahan fizikal dan keperluan latihan lain sebelum membenarkan pelajar terbabit menjalankan latihan di bawah SKM.

Aspek lain yang perlu difikirkan oleh lulusan SPM sebelum memilih mana program di universiti atau kolej swasta ialah sama ada anda mempunyai pelbagai kerja yang cerah dalam bidang berkecuali selepas menamatkan pengajian kelak.

Laporan terkini Majlis Tindakan Kebangsaan Negara mengatakan ada 120,000

atau diploma yang lebih terkini dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.

Pembelajaran di universiti atau kolej swasta juga mampu meningkatkan kefasihan anda dalam penulisan atau pertuturan bahasa Inggeris kerana pengantarnya adalah bahasa berkenaan.

Pelajar di universiti atau kolej swasta juga datang daripada pelbagai latar belakang yang membuka peluang kepada lulusan SPM berjumpa dengan rakan berlainan bangsa, agama atau status sosial keluarga.

Namun, perkara pertama yang perlu dipastikan sebelum lulusan SPM memohon mana-mana program sijil atau diploma di universiti atau kolej swasta ialah melihat sama ada program itu sudah mendapat status akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Senarai semua program yang sudah diakreditasi oleh LAN boleh dilihat di laman webnya di www.lan.gov.my.

Program yang sudah diakreditasi LAN bermakna kualitinya setaraf dengan diploma atau sijil yang ditawarkan institusi pendidikan tinggi awam sama ada universiti awam atau politeknik dan sebagainya.

Diploma atau sijil yang mempunyai status akreditasi LAN juga bermakna program itu diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan graduannya layak memohon pekerjaan dengan agensi kerajaan.

Lulusan SPM perlu berhati-hati ketika membaca iklan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang mendakwa program mereka diluluskan LAN kerana kelulusan itu tidak bermakna program berkenaan mendapat akreditasi.

Akreditasi berbeza dengan kelulusan. Ini disebabkan sijil atau diploma yang baru dimulakan oleh IPTS mungkin benar sudah diluluskan oleh LAN, tetapi proses akreditasi mengambil tempoh yang lebih lama.

LAN perlu meneliti kemudahan yang disediakan oleh IPTS untuk pelajar dan pensyarah, kelayakan dan jumlah pensyarah, kualiti kurikulum dan tahap kemahiran atau ilmu yang sudah dikuasai pelajar.

Status akreditasi LAN biasanya diperoleh selepas beberapa tahun program dilaksanakan, biasanya sebelum kumpulan pertama pelajar diploma atau sijil itu menamatkan pengajian.

Ada kes program yang sudah diluluskan

atau diploma yang lebih terkini dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. rana LAN tidak berpuas hati dengan prestasi pensyarah atau kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang disediakan oleh kolej swasta berkenaan.

Dalam kes berkenaan, pelajar itu biasanya diminta meneruskan pengajian di kolej lain yang menawarkan program yang hampir sama atau memohon program baru.

Bagaimanapun, masih ada syarikat swasta yang mengambil graduan program yang tidak diakreditasi kerana percaya mereka mempunyai kemahiran atau pengetahuan yang cukup untuk menyempurnakan tugasnya.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya, Mohd Yahya Mo-



RAI KEJAYAAN: Pelajar harus memilih bidang yang diminati dan mempunyai keupayaan dari segi pencapaian akademik supaya mencapai kecemerlangan.

atau diploma yang lebih terkini dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. mahu mendapat kemahiran vokasional, pilihlah IPTS yang menawarkan program latihan kemahiran di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Latihan ini popular kerana pelatihnya mudah diserapkan dalam pasaran kerja kerana mereka mempunyai kemahiran khusus. Pelajar program MLVK akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), iaitu kelayakan yang diiktiraf Kementerian Sumber Manusia.

Program MLVK mengambil masa enam bulan hingga empat tahun, bergantung kepada tahap latihan yang diikuti pelajar, iaitu dari SKM Tahap Satu hingga Lima.

SKM Tahap Tiga dan Empat boleh dianggap setara dengan diploma yang di-

atau diploma yang lebih terkini dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. yang masih mengganggu sehingga Disember tahun lalu. Jika sebelum ini kita banyak mendengar kempen teknologi maklumat (IT), keghairahan terhadap bidang itu kini boleh dikatakan sudah lenyap kerana sebahagian besar graduan mengganggu itu adalah dalam bidang berkenaan dan yang berkaitan dengannya.

Abad ke-21 pula dikatakan zaman biologi atau bioteknologi dan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara maju serta sedang membangun adalah berasaskan kegiatan dalam bidang sains hayat. Ini termasuklah penyelidikan dan pengkomersialan dalam bidang pertanian (penternakan, penanaman, makanan, buah-buahan), kosmetik dan sains kesihatan bersekutu.

Perkembangan teknologi tinggi antara 10 hingga 15 tahun lalu menyaksikan gabungan bidang biologi dan fizik (kejuruteraan) hingga mewujudkan disiplin seperti bionik (biologi dan elektronik), bioinformatik (biologi dan IT), kejuruteraan perubatan atau teleperubatan.

Kerajaan Malaysia juga mahu memajukan bidang nanoteknologi dan ini melibatkan disiplin biologi, kimia dan fizik.

Dalam bidang sains kesihatan bersekutu, pelajar boleh mengikuti program bioperubatan, sains pemakanan, optometri, terapi pertuturan, farmasi, sains imejan dan radio terapi serta fisioterapi.

Perkembangan ini bermakna banyak peluang pekerjaan akan wujud dalam bidang berkaitan disiplin di atas dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Justeru, pelajar dan ibu bapa perlu memilih program peringkat sijil, diploma atau program asas bagi ijazah sarjana muda dalam bidang berkenaan. Kelayakan akademik dan kemahiran dalam disiplin berkenaan akan menjamin peluang pekerjaan selepas pelajar menamatkan pengajian atau sekurang-kurangnya berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Perlu diingat bahawa pengajian yang dipilih oleh pelajar sekarang akan menjadi bidang kerjaya anda untuk tempoh sekurang-kurangnya 20 atau 25 tahun akan datang.

Jadi, selidik dengan teliti dan pilih bidang yang betul-betul diminati dan anda sendiri mempunyai keupayaan dari segi pencapaian akademik dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam bidang yang dipilih.

ZEHARI ARIFFIN / GAMBAR HIASAN / BERTTA HARIAN